

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATO' DR. MUJAHID YUSOF
[PARIT BUNTAR]**

TARIKH : 3 NOVEMBER 2014

SOALAN :

YB. Dato' Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan adakah Kementerian menyediakan penerangan atau syarat-syarat tertentu kepada pelancong asing agar mereka mesti menjaga ketenteraman dan kesopanan di dalam negara.

JAWAPAN : **DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia melalui agensinya Tourism Malaysia sememangnya mempromosikan Malaysia sebagai sebuah destinasi pelancongan yang mesra pelancong dan rakyatnya hidup saling hormat menghormati berdasarkan prinsip kesopanan dan kesusilaan.

Bagi memastikan setiap pelancong mendapatkan pengalaman yang manis semasa bercuti di Malaysia, Kementerian melalui Tourism Malaysia telah menerbitkan risalah seperti "*Malaysia Travel Guide*" dan "*Customs & Etiquette*" sebagai panduan dan rujukan kepada para pelancong terutama mereka yang ingin berinteraksi dengan masyarakat tempatan supaya mereka lebih prihatin terhadap sensitiviti masyarakat tempatan yang berbilang kaum, bangsa dan agama. Risalah-risalah ini telah diterbitkan sejak 10 tahun yang lalu dan dikemas kini daripada masa ke masa mengikut perubahan masa. Antara perkara-perkara yang diberi perhatian adalah mengenai aspek etika sosial seperti yang berikut:-

- i) Pengenalan kepada masyarakat tempatan dan sensitiviti, seperti cara memberi salam kepada golongan berusia dan kenamaan dengan gelaran, berpakaian, pantang larang kaum, tingkah laku ketika melawat rumah-rumah ibadah, inap desa (program "*homestay*") dan cara yang terbaik untuk berinteraksi dengan masyarakat tempatan;

- ii) Cara berkelakuan di khalayak ramai di mana kelakuan kurang sopan tidak digalakkan;
- iii) Pemakaian yang bersesuaian di majlis-majlis rasmi dan perayaan keagamaan; dan
- iv) Panduan-panduan lain seperti keperluan menanggalkan kasut sebelum masuk ke rumah orang tempatan, cara-cara menghormati perayaan tempatan dan bersalaman dengan cara timur.

Risalah-risalah ini diedarkan ke serata dunia dan boleh diakses daripada laman sesawang Tourism Malaysia iaitu www.tourism.gov.my.

Sekian, terima kasih.